

E-BULETIN

EDITOR
MOHAMAD FAHMI B.AMAT EASAN

GRAFIK
MOHD NAZRI SAYUTI

FOTOGRAFI
MOHD RAQIF BIN SAAT
SYED MUHAMMAD HILMI BIN SYED YAHYA

APR - JUN 2022

EDISI 60

www.utmspace.edu.my



BENGKEL KALENDAR AKADEMIK

PROGRAM SARJANA MUDA PUSAT PROGRAM KERJASAMA SPACE UTM

Bengkel Kalendar Akademik Program Sarjana Muda di bawah anjuran Pusat Program Kerjasama SPACE UTM bagi Program Sarjana Muda telah dijalankan pada 13 April 2022 secara dalam talian. Bengkel tahunan ini telah dihadiri oleh seluruh staf Pusat Program Kerjasama (PPK) Johor Bahru bersama Pengurus Besar, PPK.

Pusat Program Kerjasama Antarabangsa (PPKA) telah berpandukan Kalender Akademik Perdana di UTM sebagai rujukan dalam penghasilan kalender tersebut. Terdapat beberapa perkara yang harus diambil kira dalam penghasilan calendar termasuklah menyemak senarai tarikh-tarikh penting bagi negara-negara yang berkaitan untuk memastikan aktiviti akademik tidak bercanggah.

Hasil dari bengkel ini, Pusat Program Kerjasama Antarabangsa (PPKA) perlu menyediakan Kertas Kerja bagi mendapatkan kelulusan di Mesyuarat Jawatankuasa Akademik SPACE, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik serta Mesyuarat Senat sebelum ianya boleh digunakan pakai oleh Institusi Rakan Kerjasama (IRK).

LAWATAN AUDIT VALIDASI DAN KUALITI AKADEMIK SEMESTER 2, SESI 2020/2021 QAIWAN INTERNATIONAL UNIVERSITY, KURDISTAN, IRAQ

Pusat Program Kerjasama Antarabangsa (PPKA) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan bagi perlaksanaan Peperiksaan Akhir, Program Kerjasama Antarabangsa UTM-QIU bersama dengan perwakilan daripada fakulti/sekolah. Ia berikutnya daripada pekeliling yang dikeluarkan oleh UTM pada tarikh 31 Mac 2022 tentang kaedah Pengajaran dan Pembelajaran bagi Fasa Peralihan ke Endemik untuk Semester II, Sesi 2021/2022.

Perbincangan yang berlangsung secara dalam talian pada 26 April ini telah dihadiri oleh Pengurus Besar PPK, staf PPKA dan juga perwaikilan daripada setiap fakulti/sekolah yang terlibat dengan program yang dijalankan bersama di Qaiwan International University (QIU). Hasil daripada perbincangan, PPKA telah mengwujudkan satu Standard Operating Procedure (SOP) bagi pengurusan peperiksaan akhir untuk dijadikan panduan dan rujukan. Namun SOP tersebut perlu mendapat kelulusan dari Pengurusan Akademik SPACE UTM sebelum ia digunakan secara rasmi.



LAWATAN KUALITI AKADEMIK SEMESTER 2, SESI 2020/2021

Seperti lazimnya, lawatan Audit Kualiti bagi Program Kerjasama Antarabangsa ke Qaiwan International University (QIU), Kurdistan Iraq dijalankan pada setiap semester sehingga lengkapnya satu kohort bagi mana-mana Institusi Rakan Kerjasama.

Pusat Program Kerjasama Antarabangsa (PPKA) dengan kerjasama beberapa Fakulti/Sekolah di UTM telah menjalankan lawatan tersebut pada 14-18 Jun 2022. Lawatan ini adalah bertujuan bagi memastikan Qaiwan International University kekal mematuhi syarat-syarat dan standard kualiti akademik yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi Malaysia.

Lawatan kali ini telah disertai oleh Timbalan Dekan (Pendidikan Berterusan dan Pendidikan Transnasional), Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim, Penyelaras Program (Pendidikan Transnasional), Sekolah Komputeran, Penyelaras Program (Pendidikan Transnasional), Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan, Wakil Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi dan Eksekutif Kanan, Pusat Program Kerjasama (Antarabangsa), SPACE UTM.

Delegasi dari SPACE UTM dan UTM telah dibawa melawat ke sekitar kampus QIU, termasuk pemeriksaan pada fasiliti pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu sesi bersama pelajar-pelajar mengikuti kursus/program, sesi bersama Pensyarah QIU dan juga perbincangan bersama Pengurusan Tertinggi QIU turut dijalankan bagi memastikan objektif UTM dan QIU tercapai.

LAWATAN KUALITI AKADEMIK SEMESTER 2, SESI 2020/2021



BENGKEL KALENDAR AKADEMIK PROGRAM DIPLOMA KERJASAMA UTM BAGI SESI 2022/2023

Bengkel Kalendar Akademik Program Diploma Kerjasama UTM Bagi Sesi 2022/2023 telah dijalankan pada 7 April 2022 di Pejabat Pusat Program Kerjasama, SPACE UTM Kuala Lumpur. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk merancang aktiviti sepanjang tahun serta persediaan yang khusus dalam perlaksanaan Program Diploma Universiti Teknologi Malaysia bagi sesi 2022/2023.

Antara agenda yang disentuh dalam bengkel adalah:

- i. Tempoh pendaftaran pelajar baharu
- ii. Minggu pengkuliahuan
- iii. Minggu peperiksaan akhir
- iv. Aktiviti-aktiviti lain (berpandukan buku peraturan akademik PPK dan juga merujuk kepada Kalendar Akademik Diploma Sepenuh Masa PPD SPACE UTM sesi 2022/2023)

Seluruh kakitangan Pusat Program Kerjasama (PPK),
SPACE UTM Kuala Lumpur
termasuk Pengurus Besar PPK
telah menghadiri bengkel tersebut.




ANUGERAH KUALITI AKADEMIK (AKA) 2021

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan, SPACE UTM telah menyertai Anugerah Kualiti Akademik (AKA) bagi tahun 2021. Penyertaan ini secara tidak langsung membuktikan komitmen berterusan SPACE UTM dalam menyokong inisiatif melibatkan pembelajaran dan pengajaran serta perkhidmatan berteraskan kualiti.

Anugerah Kualiti Akademik (AKA) merupakan penilaian bagi pencapaian Fakulti / Sekolah pada tahun semasa dimana beberapa proses penilaian dijalankan yang merangkumi semakan dokumen, sesi temubual terhadap kakitangan, lawatan tapak, menjalani proses audit dan pembentangan berkaitan Interdisciplinary Project.

Namun, pada kali, hanya semakan dokumen sahaja yang dilakukan oleh QRIM UTM. Pengurusan SPACE UTM amat menghargai di atas penglibatan daripada seluruh warga kerja untuk memastikan proses penilaian berjalan lancar.



KURSUS TEKNIK PENYELESAIAN MASALAH MELALUI KADEAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan Kursus Teknik Penyelesaian Masalah melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Dewan Seminar 1&2, UTMSPACE Taman Universiti pada 18-19 April 2022.

Encik Helmy bin Basry daripada JHI Resources Sdn Bhd selaku fasilitator yang berpengalaman telah membimbing para peserta untuk menjalani kursus secara intensif. Beliau telah menekankan tentang apek-aspek penting termasuk pengenalan format KIK, pengisian bahan hujah bagi kaedah menjawab soalan, teknik pernyampaian dan pembentangan projek.

Beliau juga menitik beratkan tentang proses penghasilan sesuatu projek dan produk yang berimpak tinggi. Beliau juga menekan agar sesuatu inovasi yang dibentangkan adalah relevan dan boleh di bawa ke tahap dipaten dan dipasarkan kepada umum. Selain itu objektif kursus KIK juga adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman para peserta mengenai konsep dan pendekatan KIK yang boleh diguna pakai dan dilaksanakan di UTMSPACE khususnya.



ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN UTM 2022

SPACE UTM telah menyertai Konvensyen Anugerah Inovasi Perkhidmatan pada 20 April 2022. Anugerah adalah bertujuan memberi pengiktirafan kepada inovasi yang diperkenalkan oleh komuniti UTM dalam menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Justeru itu, SPACE UTM yang diwakili seramai sembilan orang staf telah mengambil bahagian dalam sesi pembentangan dengan membawa Projek Customer Response Operation System (CROS) di konvensyen tersebut.

Penyertaan SPACE UTM dalam konvensyen kali ini telah memberi pendedahan terhadap format penganugerahan kepada perwakilan. Mereka berpeluang untuk menimba pengalaman sebagai peserta bagi mendapatkan input daripada pasukan-pasukan lain yang bertanding. Selain itu, pasukan perwakilan daripada SPACE UTM dapat mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam konteks perkhidmatan pelanggan serta akan diusulkan kepada pihak pengurusan demi memperbaiki kelemahan tersebut.



BICARA KUALITI UTMSPACE SIRI 2/2022

Bicara Kualiti UTMSPACE Siri 2/2022 pada kali ini telah menampilkan Mantan Timbalan Pengerusi (Akademik), SPACE UTM untuk berkongsi ilmu berkaitan tentang pembudayaan kualiti akademik di UTMSPACE. Sesi perkongsian yang bertajuk “Seronoknya Kualiti Akademik” yang berlangsung pada 15 Jun 2022 secara dalam talian ini telah menarik perhatian seramai lebih 100 orang penonton. Pengisian dalam siri Bicara Kualiti pada kali ini menekankan bahawa ilmu amat mudah diperolehi dan sesiapa sahaja berhak untuk menerimanya. Hanya kehendak seseorang itu sahaja yang membezakan tahap keilmuan yang diperolehi serta sejauh mana ilmu yang diperolehi dipraktikan untuk kegunaan diri sendiri mahupun umum.



UTMSPACE
(931427-K)

Bicara Kualiti
UTMSPACE SIRI 2/2022

Topik : **Seronoknya Kualiti Akademik**

15 Jun 2022

Kenapa Kualiti?

- Kelebihan daya saing terletak pada organisasi yang berjaya menyediakan nilai pelanggan (customer value) melalui penggunaan teknologi dan manusia yang paling cekap

Tanya diri anda, jika 99% perkara dilakukan dengan betul, adakah ini akan menghasilkan kualiti yang baik?

UTMSPACE
(931427-K)

MAJLIS KHATAM AL-QURAN & PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK

Majlis Khatam Al-Quran dan Pengagihan Bubur Lambuk anjuran KESUKEB Johor Bahru telah diadakan pada 24 Ramadan 1443H bersamaan dengan 26 April 2022.

Majlis yang berlangsung secara dalam talian telah dimulakan dengan bacaan Al-Quran yang diketuai oleh Ustaz Mohamad Ilyas Bin Ismail. Beliau turut menyampaikan ceramah ringkas berkaitan dengan Ramadhan dan diakhiri dengan doa pada penghujung majlis.

Sesi pengagihan Bubur Lambuk juga telah berlangsung pada petang hari di Bilik Mesyuarat Eksekutif 3 bagi staf yang berada di bangunan T05 dan T06. Manakala bagi staf UTMSPACE Taman Universiti pula ia diagihkan oleh urusetia KESUKEB di sana.

Persediaan bubur untuk jumlah 200 orang penerima, telah disediakan oleh ahli jawatankuasa Surau Al-Hidayah Taman Universiti Johor Bahru. Ia turut dibantu oleh urusetia program bagi proses pembungkusan dan agihan.

GAMBAR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



GAMBAR PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK



MAJLIS HARI RAYA UTMSPACE 2022

KESUKEB Johor Bahru dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya pada 19 Mei 2022. Majlis yang disambut secara sederhana namun meriah ini, telah diserikan dengan kehadiran 180 orang tetamu terdiri daripada kakitangan,UTMSPACE mengayakan busana raya.

Beberapa acara telah dijalankan sepanjang majlis dan penglibatan daripada staf amat diluar jangkaan dimana ramai yang membawa pulang hadiah-hadiah yang disediakan oleh pihak urusetia. Hidangan berkonsepkan buffet juadah raya secara pot luck menamparkan begitu jelas kesepakatan yang diberikan antara kakitangan unit/bahagian yang terlibat bagi memastikan tetamu dihidangkan dengan juadah istimewa. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar bersama dikalangan staf UTMSPACE.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL

Majlis bacaan Yasin dan tahlil telah diadakan pada 23 Jun 2022 dan ia telah berlangsung secara serentak di pejabat UTMSPACE Blok T05 dan UTMSPACE Taman Universiti di Johor Bahru. Majlis diketuai oleh En. Anwar bin Ibrahim mewakili kakitangan di Pejabat UTMSPACE Blok T05, manakala di pejabat UTMSPACE Taman Universiti pula, ia dipimpin oleh Encik Mohd Roslyzam bin Abd Rafi.


Majlis bacaan Yasin dan tahlil ini diadakan bertujuan untuk mengajak staf UTMSPACE bersama bermunajat dan bermohon kerahmatan ALLAH Subhanahu Wata'ala kepada Allayarhamah Puan Raja Aida binti Raja Shaharuddin, mantan Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK), UTMSPACE Kuala Lumpur dan Allahyarhamah Jamilah binti Yusof, ibu kepada Prof. Madya Dr. Rosli bin Noor Mohamed, Pengurus Besar, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor Bahru. Semoga doa dan bacaan Yasin dan tahlil ini diterima ALAH swt.



1) JUMLAH STAF DI UTMSPACE

Sehingga bulan Jun 2022, seramai 359 staf sedang berkhidmat di UTMSPACE Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Berikut adalah pecahan mengikut kategori:

JUMLAH STAF DI UTMSPACE



Carta bagi staf di UTMSPACE mengikut kategori



2) KURSUS, LATIHAN DAN TAKLIMAT

Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia telah memainkan peranan bukan sahaja dari segi pegurusan dalam kebijakan kakitangan, malah unit ini telah berperanan untuk menyediakan latihan-latihan yang khusus dan relevan kepada kakitangan UTMSPACE.

Terdapat dua jenis kursus yang ditawarkan kepada staf UTMSPACE iaitu Kursus Dalaman dan Kursus Permintaan. Kursus Dalaman adalah merujuk kepada kursus yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia dan ia adalah kursus wajib untuk dihadiri.

Manakala bagi Kursus Permintaan pula adalah kursus yang dipohon oleh kakitangan tersebut berdasarkan minat mereka. Semua kakitangan UTMSPACE adalah diwajibkan untuk memenuhi 16 jam kursus sepanjang tahun.




Senarai Kursus Dalaman sehingga suku tahun kedua 2022 berdasarkan Kalender Kursus Tahun 2022 UTMSPACE.

Bil.	Nama Kursus/ Latihan	Tarikh Pelaksanaan
1.	Tips Penulisan Artikel Jurnal	28 Februari 2022
2.	Induksi Staf Bil. 1/2022	11 Mac 2022
3.	Kursus Pengendalian e-Tiket	30 Mac 2022
4.	Kursus BSC System Development with Laravel	11-14 April 2022
5.	Bengkel Pengurusan Data bagi Ahli Jawatankuasa Pusat Data UTMSPACE 2022	18 Mei 2022
6.	Induksi Staf Bil. 2/2022	24 Mei 2022
7.	Kursus Penyelarasan Prosedur Kerja dan Proses Permohonan Visa Pelajar dan Antarabangsa UTMSPACE	25 Mei 2022

Senarai Pelaksanaan Kursus Dalaman Staf UTMSPACE




Selain kursus/latihan dalaman yang disediakan, staf UTMSPACE juga amat digalakkan untuk membuat permohonan bagi menghadiri kursus permintaan yang anjurankan oleh penyedia latihan luaran sama ada ia adalah kursus berbayar ataupun percuma. Sebanyak 50 buah kursus permintaan telah dianjurkan sehingga bulan Jun 2022



Senarai Kursus Permintaan yang ditawarkan sehingga suku tahun kedua 2022 :


Bil.	Nama Taklimat
1	Inaugural Virtual International Quantity Surveying (QS) Conference 2022
2	Bengkel Hr Math Dan Cadangan Pindaan Terkini
3	Kursus Induksi Persijilan Kemahiran Malaysia
4	Falsafah Dan Amalan Perancangan Bandar Yang Lestari
5	Understanding Rental Agreements And Managing Tenants
6	Virtual UK Smart Cities Mission To Malaysia The Role Of Standards In Smart Cities Implementation
7	People Matters 2022 APAC Conference
8	Overview Of Land And Property Development
9	Employment Law And Disciplinary Management
10	Power Bi Business Analytics Training
11	Embracing Bim In Practice And Academia Are We There Yet
12	Proses Dan Pembangunan Di Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor
13	How To Be An Effective Peer Reviewer
14	Cabaran Perancang Bandar Dalam Arus Pembangunan Negara
15	Kursus Asas Python
16	Opportunities In Sepcial Economic Zone Of Batam, Bintan, Karimun Indonesia And Iskandar Development Region Malaysia
17	Man And The Nature Of Societal Development
18	Latihan E-Perolehan (EP)
19	Global Standard Smart Cities Where Are We Now
20	Creating Online Alternative Assessment
21	Employment Act 1955 And Amendments
22	Talk On Empowering Students In Large Online Class
23	Trimble Technology Day Seminar
24	Kursus Teaching Portfolio
25	Kursus Alternative And Authentic Assessment
26	Introduction To Data Science
27	Basic Occupational First Aid
28	Lead Auditor Course Iso 9001 2015

Senarai Pelaksanaan Kursus Permintaan Staf UTMSPACE




My Continuous Professional Development (CPD) adalah sebuah kaedah baharu yang dibangunkan bagi sistem pemberian mata dalam pengiraan jumlah jam kursus staf yang menjalani latihan/kursus serta menghadiri sesi pengkayaan ilmu yang lebih sistematik.

Berikut adalah carta pengumpulan mata bagi MyCPD sehingga bulan Jun 2022.



Rajah 3 : Kumpulan Mata UTMSPACE MyCPD kategori Kursus sehingga Jun 2022



Rajah 4: Keseluruhan Mata UTMSPACE MyCPD (Kursus, Pengkayaan Ilmu & Sumbangan) sehingga Jun 2022

3) Saguhati Perkahwinan Dan Menerima Cahaya Mata

Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia telah mengambil inisiatif terhadap kebajikan staf dengan memberi saguhati kepada staf yang melangsungkan perkahwinan dan menerima kelahiran cahaya mata. Penerima saguhati adalah seperti berikut:

a) Saguhati Perkahwinan

Bil.	Nama	Pusat/ Bahagian	Tarikh perkahwinan
1	Sr. Gs. Amir Hamzah bin Othman	PPD	1 Januari 2022
2	Muhammad Nur Qawim bin Hizil	SRAD	27 Januari 2022
3	Muhamad Hakimi bin Ibrahim	PPD	3 Februari 2022
4	Deepa a/p Alagappan	PPI	14 Februari 2022
5	Mohd Zaki bin Bahrudin	PPD	5 Mac 2022
6	Murugadass a/l Ganathipan	PPD	12 Mac 2022
7	Nur Ili Nazihah binti Roslan	BPPSP	20 Mei 2022

Senarai Penerima Saguhati Perkahwinan



b) Saguhati Kelahiran Cahaya Mata

Bil	Nama	Pusat/ Bahagian	Jantina Anak	Tarikh Kelahiran
1	Sr. Azlina binti Mustafar	PPD	Perempuan	29 Januari 2022
2	Atika binti M Apid	PPSH	Lelaki	28 Februari 2022
3	Mohamad Raqif bin Saat	BPPP	Perempuan	18 Februari 2022
4	Aida Khalisah binti Samri	PPSH	Perempuan	1 Mei 2022
5	Mohammad Hamali bin Roslan	PPSM	Lelaki	4 Mei 2022
6	Siti Musleha binti Ab Mutalib	PPI	Perempuan	13 Mei 2022
7	Nur Ili Nazihah binti Roslan	BPPSP	20 Mei 2022	

Senarai Penerima Kelahiran Cahaya Mata



4) Sekalung Tahniah

Beberapa orang kakitangan UTMSPACE telah dinaikan pangkat berdasarkan kepada prestasi yang cemerlang selain daripada keperluan penjawatan kepada sesebuah unit tersebut. Terdapat dua orang kakitangan UTMSPACE telah menerima Anugerah Staf Contoh untuk suku tahun pertama 2022.

Selain daripada kakitangan yang dinaikan pangkat, terdapat seramai 18 orang staf baharu telah melapor diri sejak bulan Januari sehingga Jun 2022 bagi memulakan tugas di UTMSPACE.

a) Sekalung tahniah diucapkan atas kenaikan pangkat staf seperti berikut:

Bil	Nama	Pelantikan
1.	Siti Fasihah Binti Miron	Kenaikan pangkat dari jawatan Pembantu Tadbir ke jawatan Penolong Eksekutif berkuatkuasa 1 Mei 2022.
2.	Mohd Azwad Bin Zakaria	Kenaikan pangkat dari jawatan Pembantu Tadbir ke jawatan Penolong Eksekutif berkuatkuasa 1 Mei 2022.
3.	Norain Binti Samsudin	Kenaikan pangkat dari jawatan Penolong Eksekutif Kanan ke jawatan Eksekutif Junior berkuatkuasa 1 Jun 2022.

b) Sekalung tahniah diucapkan atas pelantikan staf seperti berikut:

Bil	Nama	Pelantikan
1.	Dr. Lily Suriani binti Mohd Arif	Pelantikan sebagai Timbalan Pengerusi (Akademik) SPACE UTM berkuatkuasa mulai 15 Februari 2022

c) Sekalung tahniah diucapkan kepada penerima Anugerah Staf Contoh Q1 2022:

Bil	Nama
1.	Dr. Intan Afida binti Mohamad Amin Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Diploma, SPACE UTM
2.	En. Khairiel Idzham bin Nordin Eksekutif Kanan Pusat Pengajian Separuh Masa, SPACE UTM

d) Selamat datang diucapkan kepada staf baharu yang melapor diri:

Bil	Nama	Pelantikan
1.	Puan Nor Amalina binti Ponijan	Melapor diri pada 2 Januari 2022 sebagai Pensyarah, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor
2.	Puan Nuur Ain binti Raimi	Melapor diri pada 2 Januari 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Pusat Pendidikan Berterusan, UTMSPACE Johor
3.	Encik Muttakin bin Sangadi	Melapor diri pada 2 Januari 2022 sebagai Penolong Eksekutif, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTMSPACE Johor
4.	Encik Azwan bin Muhammed	Melapor diri pada 3 Januari 2022 sebagai Juruteknik, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTMSPACE Kuala Lumpur
5.	Encik Mohamed Hafifi bin Md Shabarien	Melapor diri pada 3 Februari 2022 sebagai Penolong Eksekutif, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTMSPACE Johor
6.	Cik Bintulhuda binti Zainodin	Melapor diri pada 1 Mac 2022 sebagai Eksekutif Akademik, Pusat Pengajian Diploma, SPACE UTM Johor
7.	Cik Nurfarah Faqihah binti Mansor	Melapor diri pada 1 Mac 2022 sebagai Eksekutif Akademik, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor
8.	Cik Nur Azreen binti Saidon	Melapor diri pada 3 Mac 2022 sebagai Eksekutif Akademik, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor
9.	Puan Madiha Fatin binti Mohamad	Melapor diri pada 15 Mac 2022 sebagai Eksekutif Akademik, Pusat Pengajian Diploma, SPACE UTM Johor
10.	Cik Nur Syuhada binti Ismail	Melapor diri pada 15 Mac 2022 sebagai Eksekutif Akademik, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor
11.	Cik Natasha binti Muhammad	Melapor diri pada 15 Mac 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor
12.	Cik Nooramira binti Hassan	Melapor diri pada 21 Mac 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Pusat Pendidikan Berterusan, UTMSPACE Johor
13	Encik Mahmmod bin Mhd Ayub	Melapor diri pada 4 April 2022 sebagai Pengawal Keselamatan, Bahagian Aset dan Fasiliti, UTMSPACE Johor

14	Encik Muhammad hakim bin Abdull Rahim	Melapor diri pada 4 April 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Pusat Pengajian Separuh Masa, SPACE UTM Johor
15	Cik Nur Serena binti Md Nizam	Melapor diri pada 17 April 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM Johor
16	Puan Suraya binti Morsidi @ Morshidi	Melapor diri pada 18 April 2022 sebagai Eksekutif, Bahagian Pembelajaran Digital, SPACE UTM Johor
17	Encik Mohd Ameerrul Al Haffiz bin Ismail	Melapor diri pada 8 Mei 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Pusat Pendidikan Berterusan, UTMSPACE Johor
18	Cik Nor Farasalina binti Mohd Salim	Melapor diri pada 16 Mei 2022 sebagai Pembantu Tadbir, Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar, UTMSPACE Johor





ANYONE • ANYTHING • ANYWHERE • ANYTIME
utmspace.edu.my